

Menelaah Makna *Wasatiyyah* dan Aplikasinya dalam Pendidikan Wanita Muslimah Brunei¹

Lilly Suzana Shamsu, PhD²

Abstract: The term *Wasatiyyah* has increasingly being debated particularly due to numerous attacks by extremists. Due to the current needs and in the effort to solve the issues relating to this, *Wasatiyyah* has been defined to become more broadly synonymous with the concept of moderate or middle. This definition should be tied in with the elements of fair and excellent. However, defining *Wasatiyyah* as moderate in all aspects of life, clearly this definition has a gap, hence it is difficult to practice *Wasatiyyah* in our everyday life. It is evident when moderation is placed in any religious matters, we understood that we must not perform it moderately but at the very best to attain the best reward from Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Therefore, reviewing the definition of *Wasatiyyah* is very significant to harmonize the concept of moderation with the elements of fair and excellent as defined by eminent scholars. This research is in

¹ Sebahagian artikel ini telah dibentangkan dalam kertas kerja Persidangan “The 7th International Conference On Islam In Malay World (ICON-IMAD VII)”, dengan tema persidangan “Strengthening the Moderate Malay Islam in Southeast Asia”, telah diadakan di Bandung, Indonesia pada 19 – 21 September 2017. Kertas kerja yang dibentangkan dalam ICON-IMAD VII ini bertajuk *Pemerkasaan Pendidikan Muslimah Mengikut Konsep Wasatiyyah di Negara Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan*.

² Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam. Email: lilly.shamsu@unissa.edu.bn

line with the speech of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Negara Brunei Darussalam to conduct further research on the content of *Wasatiyyah* even though it already been discussed widely. This paper will explore the application of *Wasatiyyah* in Brunei Darussalm with focusing on the advancement of women's education. Methodology used is library research where various interpretations from the classical and contemporary *tafsir* (Qur'anic exegesis) relating to *Wasatiyyah* examined. Additionally, narrative approach has been used to review the development of women's education in Brunei highlighting historical records. These are all based on documentations and data from the government's Annual National Education Report to analyze the role of *Wasatiyyah* in Brunei's education progress. *Wasatiyyah* and its authentic meaning, as expressed through the interpretation of the divine revelation, as well as the view of classical and contemporary Muslim scholars indeed has succeeded in becoming the dynamic mechanism of educational progress, especially the education of women in Brunei Darussalam.

Keywords: Islam, *Wasatiyyah*, Definition, Education, Brunei, Women.

Abstrak: Lafaz *Wasatiyyah* semakin kerap kedengaran menjadi perbincangan akhir-akhir ini, terutamanya apabila isu-isu ekstremisme mula mencetuskan kekecohan. Seiring dengan kehendak dan isu semasa, *Wasatiyyah* dilihat lebih banyak diungkap sinonim dengan konsep sederhana atau pertengahan. Dalam pada masa yang sama, makna sederhana ini juga diiringi dengan konsep berlaku adil dan cemerlang. Walau bagaimanapun, pentakrifan tanggapan yang hanya memfokuskan *Wasatiyyah* itu kepada konsep kesederhanaan dalam semua aspek kehidupan dilihat masih mempunyai lompong justeru sukar direalisasikan dalam kehidupan seharian. Ini jelas apabila diletakkan kesederhanaan itu dalam neraca ibadah umpamanya justeru ibadah itu difahami tidak dilaksanakan secara sederhana bahkan secara terbaik demi meraih ganjaran yang juga terbaik. Lantas, menelaah makna *Wasatiyyah* sangat kritikal untuk mengharmonikan antara konsep sederhana yang banyak dicanangkan dan ciri terbaik serta adil yang ditafsirkan oleh para ulama. Ini bertepatan dengan saranan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menggalakkan untuk terus menggali tentang isi *Wasatiyyah* sekalipun telah ramai memperkatakan mengenainya. Seterusnya artikel akan menelusuri aplikasi konsep *Wasatiyyah* di negara ini dengan tumpuan kepada kemajuan pendidikan wanita. Metodologi penulisan adalah kepustakaan dengan meneliti pentafsiran ulama klasik dan kontemporari mengenai lafaz *Wasatiyyah*. Sementara bagi meninjau kemajuan pendidikan wanita Brunei akan disampaikan secara naratif dengan menyoroti fakta sejarah. Ini semua berasaskan rekod dan data daripada Laporan Tahunan Pendidikan Negara dan dokumen rasmi kerajaan

yang berkaitan bagi menganalisis peranan konsep *Wasatiyyah* dalam kemajuan pendidikan Brunei. Sesungguhnya konsep *Wasatiyyah* dalam maknanya seperti yang dizahirkan melalui pentafsiran wahyu daripada hadith dan pandangan para cendekia Islam telah berjaya menjadi pemacu kemajuan pendidikan terutamanya pendidikan wanita muslimah di negara ini.

Kata Kunci: Konsep *Wasatiyyah*, Takrif Wasatiyyah, Pendidikan Wanita Brunei, Adil, Terbaik.

Pendahuluan

Dalam kancang kemelut dunia menjadi gempar dengan senario serangan pelampau di merata tempat, *Wasatiyyah* dilihat merupakan jawapan yang tersedia untuk menanganinya. Lebih menyedihkan apabila masyarakat global pula cenderung menuding jari kepada Islam sebagai pencetusnya. Agama suci ini ditohmah dan dituduh tidak berlaku adil dan tidak menghargai kemanusiaan lantas serangan keganasan yang meragut jiwa di seluruh pelosok dunia sering dilemparkan kepadanya. Tusukan tuduhan ini bertambah dahsyat dengan bantuan gimik ciptaan media khususnya media Barat yang sering kali liputannya tidak begitu memihak kepada kebenaran agama Islam. Semua hikayat ini pada hakikatnya tiada ada kaitan langsung dengan Islam. Sesungguhnya Islam adalah agama yang mempromosi keadilan, keamanan dan keharmonian sejagat. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab umat Islam dan dunia Islam untuk memberi respon dan bersuara menyatakan kesucian dan kebenaran agama pilihan Yang Maha Pencipta. Memperbetul dan menjelaskan kemurnian

agama yang suci ini adalah kewajipan setiap individu muslim itu sendiri.

Justeru, atas rasa tanggungjawab inilah Negara Brunei Darussalam meskipun hanya sebuah negara Islam berskala kecil tampil berusaha memberi maklum balas kepada isu radikalisme dan ekstremisme ini. Maklum balas berkenaan adalah dengan menyelenggarakan sebuah seminar peringkat nasional yang dinamakan Majlis Ilmu 2015 dengan mengangkat tema *Wasatiyyah*. Tema seminar Majlis Ilmu berkenaan ialah “*Wasatiyyah Asas Kesejahteraan Sejagat*”. Meskipun istilah “*Wasatiyyah*” telah banyak dibahaskan dan dikupas namun ia tetap signifikan dan relevan untuk dibincangkan kerana perspektifnya yang luas. Lantas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perasmian Majlis Ilmu 2015 menyarankan:

“...Tentang *WASATIYYAH*, kita sudah banyak mendengarnya, tetapi menurut hemat Beta, tidaklah salah kalau kita terus memperkatakan, berdasarkan, ilmu itu adalah amat luas, tiada sempadannya. Demikianlah, kita boleh saja terus menggali apa yang ada dalam *wasatiyyah* itu. Apa ia yang sebenarnya? Apa isi dan falsafahnya? Semua itu sangat mustahak dan berguna untuk diketahui.”

Lantas UNISSA bergerak berusaha menyelidik mengenai konsep *Wasatiyyah* ini dengan memberikan fokus kepada aplikasi konsep ini di Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, sebelum menilai dan meneliti aplikasi

tersebut adalah perlu untuk dijelaskan pengertian *Wasatiyyah* itu sendiri dan ciri-ciri yang mendukung konsep berkenaan.

Penjelasan maksud berserta justifikasinya sangat kritikal memandangkan *Wasatiyyah* lumrahnya dieritkan sebagai “sederhana” dalam Bahasa Melayu atau “moderate” dalam Bahasa Inggeris. Sementara itu, Abdullah bin Md. Zin menyatakan “*Wasat*” bererti “middle” atau “balanced” dalam Bahasa Inggeris.¹ Walau bagaimanapun, interpretasi ini dilihat masih memerlukan penjelasan yang wajar agar dapat difahami makna *Wasatiyyah* dalam konteksnya yang menyeluruh.

Setelah mendapatkan definisi yang wajar mengenai konsep Rabbani ini nanti, ia akan ditinjau melalui sudut peranannya dalam bidang pendidikan wanita Brunei. Ini kerana pencapaian kaum wanita di negara ini dalam berbagai bidang berkembang sangat pantas. Umpamanya dalam bidang pentadbiran kerajaan, dalam perangkaan 2015 seramai 14,045 atau 59.9% wanita Brunei menempati tiga bahagian (division) jawatan teratas; iaitu dalam kelompok jawatan daripada ketua jabatan, pegawai kanan, pegawai dan penyelia². Pencapaian ini menzahirkan dasar negara yang memberi perhatian yang adil kepada semua pihak tanpa mengira gender.

¹ Abdullah Md. Zin. (2013). *Pendekatan Wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Pelaksanaan*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. hlm. 15.

²Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. *Brunei Statistical Yearbook 2015*. hlm. 67.

Pengertian “*Wasatiyyah*”

Wasatiyyah itu berasal daripada lafaz “*wasatan*” yang disebut Oleh Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 143:

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا﴾

Dalam Bahasa Arab “*wasat*” (huruf *sin* berbaris atas) bermaksud berada di antara dua penjuru seperti berada di tengah rumah. Justeru, al-Tabari berpendapat dalam ayat ini Allah menyifatkan kaum muslimin sebagai golongan pertengahan adalah kerana keseimbangan mereka dalam beragama. Mereka tidak melampau seperti melampaunya golongan Nasrani yang mengagungkan paderi mereka dan tidak pula culas dan cuai seperti golongan Yahudi. Golongan Yahudi terlalu memperlekehkan agama sehingga merubah Kitabullah, membunuh para nabi utusan Yang Maha Esa dan menjadi kufur. Umat Islam pula tidak demikian halnya malah mereka adalah golongan pertengahan dan seimbang.¹

Serentak itu, secara lansgsung al-Tabari menyebutkan untaian hadith-hadith sebagai bukti dan sokongan bahawa pengertian “al-wasat” itu asasnya adalah adil. Pengertian “al-wasat” dengan makna adil ini telah secara jelas diriwayatkan dalam hadith-hadith sahih. Antaranya riwayat Bukhari dan Tirmizi daripada Abu Sa’id al-Khudri *radiallallahu ‘anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi*

¹ Al-Tabari, Abu Ja’far Muhammad bin Jarir. (2000). *Jami‘al-Bayan fi Ta’wil al-Qur’ān*. Muassasah al-Risalah. Jil. 3, hlm. 142.

wassalam bersabda menyatakan makna "al-wasat" dalam ayat 143 daripada surah al-Baqarah itu ialah adil.¹ Menurut Md Asham Ahmad adil di sini berkait langsung dengan ilmu pengetahuan lantas untuk menjadi saksi yang memenuhi syarat penyaksian seperti dalam ayat ini seseorang itu hendaklah memiliki ilmu.² Ini kerana tanpa ilmu keadilan tidak akan tertegak.

Seterusnya, al-Razi memilih untuk memaknakan wasat itu sebagai yang terpilih (*al-khiyar*).³ Antara sebab dia memilihnya dengan makna "terpilih" adalah kerana ia bertepatan dengan ayat 110 daripada surah Ali 'Imran di mana Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman:

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ﴾

Jelasnya "terpilih" itu ialah yang terbaik (*khayr*). Begitu juga halnya dengan penjelasan al-Qurtubi, sekalipun beliau menyatakan pada beberapa penerangan ia bermaksud pertengahan seperti yang disebutkan oleh al-Qurtubi tentang

¹ Al-Bukhari, Muhammad bin 'Isma'il. (1422H). *Sahih Bukhari*. Dar Tuq al-Najah. Kitab al-Tafsir. Bab:

قوله: كذلك جعلناك أمةً وسطاً Jil. 6. hlm. 21; al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa. (1998). *Sunan al-Tirmizi. Kitab Tafsir al-Qur'an. Bab wa Min surah al-Baqarah*. Beirut: Dar al-Gharb. Jil. 5. hlm. 57. No hadis 2961.

² Md Asham Ahmad. (2011). Moderation in Islam: A Conceptual Analysis of Wasatiyyah. *Journal TAFHIM (IKIM Journal of Islam and the Contemporary World)*. Jil. 4. hlm. 29 -46.

³ Al-Razi, Muhammad bin 'Umar. (1420H). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi. Jil. 4. hlm. 84.

“wasat al-wadi” iaitu kedudukan wadi yang di tengah-tengah adalah yang terbaik kerana mempunyai banyak air dan rumput yang subur. Namun beliau seterusnya menyatakan seseorang yang berada di tengah kaumnya adalah yang terpilih dan mempunyai kemuliaan.¹ Begitulah pengertian yang diberikan oleh ahli tafsir berkenaan *Wasatiyyah* semuanya merujuk kepada adil, terbaik dan terpilih. Menurut al-Razi umat terbaik yang dimaksudkan dalam ayat 110, surah Aal ‘Imran itu ialah yang menyuruh melakukan kebaikan (*ma’ruf*) dan menegah kemungkaran serta beriman kepada Allah *Subhanahu Wa Ta’ala*.²

Pentafsiran para ulama daripada rujukan klasik, mutakhir dan kontemporari seperti tafsir al-Tabari, al-Razi, al-Qurtubi, Muhammad Rashid Ridha,³ Wahbah Zuhaily⁴ dan yang selainnya semuanya mengaitkan tentang keseimbangan agama Islam. Perkaitan ini menurut Muhammad Rashid Ridha adalah disebabkan oleh keadaan sebelum Islam di mana masyarakat pada ketika itu terbahagi kepada dua kelompok. Pertama, kelompok yang hanya mementingkan material dan mengesampingkan kepentingan rohani secara pukal. Mereka adalah daripada kelompok Yahudi dan kaum musyrikin. Sementara itu, kelompok yang kedua berpegang sebaliknya iaitu hanya mementingkan

¹ Al-Qurtubi, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad. (1964). *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Masriyyah. Jil. 2. hlm. 154.

² Al-Razi. *Op-Cit*. Jil. 8. hlm. 325.

³ Muhammad Rashid Ridha. (1990). *Tafsir al-Manar*. Al-Hai’ah al-Masriyyah al-‘Ammah Li al-Kitab. Jil. 2. hlm. 4.

⁴ Wahbah Zuhaily. (1418H). *Tafsir al-Munir*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Jil. 2. hlm. 15.

kehidupan rohani tanpa menghiraukan hal keduniaan. Mereka adalah golongan Nasrani dan Sabi'in serta pengikut agama hindu.¹ Ini sangat berbeza dengan golongan muslim yang mengambil kira kepentingan keduanya dalam kehidupan justeru menjadikan mereka umat pertengahan seperti mana yang digariskan oleh al-Qurtubi iaitu berada di tengah-tengah itu adalah kedudukan yang terbaik. Ini merupakan faktor yang melayakkan umat Islam menjadi saksi kepada sekalian umat manusia.

Tegasnya, berada di pertengahan dalam keadaan yang disebutkan di atas adalah tepat dan sangat strategik dalam menangani senario pada ketika itu. Lantas tanpa disangkal senario berkenaan penyelesaiannya adalah keseimbangan atau kesederhanaan. Walau bagaimanapun, disebabkan senario yang hampir sama dengan tema melampau atau ekstrem berlaku pada dekad akhir ini ramai yang memaknakan *Wasatiyyah* itu sebagai konsep yang mengetengahkan untuk berlaku sederhana. Bahkan kesederhanaan itu diluaskan skopnya kepada aspek-aspek lain. Justeru tidak sedikit yang terus mengambil "sederhana" itu sebagai makna kepada lafaz rabbani "*Wasatiyyah*". Lantas mengumumkan pengertian sederhana itu dalam semua aspek dan elemen kehidupan. Sederhana itu diertikan sebagai sederhana yang diaplikasikan dalam semua hal sama ada dalam ibadah, akidah dan kepentingan duniawi meski pun mereka mengakui ciri asas yang mendukung konsep *Wasatiyyah* itu ialah terbaik dan terpilih seperti mana yang disebutkan oleh ahli tafsir.

¹ Muhammad Rashid Ridha, *Op-Cit.* Jil. 2, hlm. 5

Apabila “sederhana” menjadi dasar kata yang mendefinisikan konsep *Wasatiyyah* justeru ciri asas “adil”, “terbaik” dan “terpilih” dibaca untuk diterjemahkan dalam isu-isu terpilih sahaja. Sebagai contoh dalam perspektif ibadah, *Wasatiyyah* yang ditakrif sebagai sederhana akan dibaca dengan hadith bahawa Baginda Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* pernah menegur para sahabat *Radiallahu 'anhu* yang berazam untuk berpuasa sepanjang waktu, tidak tidur dan tidak akan berkahwin lantaran ingin mengerjakan ibadah. Teguran Baginda mengajak untuk tidak berbuat demikian memandangkan sikap berkenaan agak melampau dan bertentangan dengan tabii kemanusiaan itu sendiri. Dalam hal lain pula sederhana turut dibaca dengan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk tidak keterlaluan dalam berbelanja sehingga membazir dan tidak pula berlaku kedekut yang disebutkan dalam surah al-*Isra'*, ayat 29:

﴿وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَى عُنْقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّاً
الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَحْسُورًا﴾

Seterusnya banyak lagi peristiwa daripada tindak tanduk Baginda Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* dijadikan sukat-sukat dalam mengertikan *Wasatiyyah* sebagai sederhana termasuklah dalam hubungan sosial dan politik. Perkara ini banyak dipetik melalui teladan Baginda ketika berinteraksi dengan golongan bukan muslim khususnya setelah Islam mula bertapak kukuh di Madinah. Pemerintahan Baginda yang adil lagi meraikan puak-puak yang non-muslim ini dijadikan sandaran bahawa ini adalah konsep *Wasatiyyah*. Yang demikian itu ramai pula yang mendefinisikan

kesederhanaan ini dengan istilah semasa yang dilihat lebih praktikal iaitu toleransi.

Semua peristiwa yang dinukil daripada situasi di atas tidak disangkal adalah antara keindahan susila Islam yang berlandaskan konsep *Wasatiyyah*. Namun menjenamakan *Wasatiyyah* itu sebagai sederhana atau moderat hanya dengan merujuk keberadaan di tengah-tengah antara golongan atau penjuru yang ekstrem pada setiap masa dan keadaan dilihat perlukan penyelarasan. Penyelarasan berkenaan perlu melihat kepada kewajaran ciri asas mengikut pentafsiran asal iaitu terpilih dan terbaik. Di samping memberi perhatian bahawa dalam memaknakan konsep *Wasatiyyah* perlu adil sesuai keadilan yang dimaksudkan Baginda ketika mentafsirkan lafadz “Wasatan” itu sendiri. Ini kerana tidak semua tindakan Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* adalah sederhana iaitu dalam makna tidak melampau. Kesederhanaan merupakan sebahagian daripada amalan tindakan Baginda dalam situasi dan keadaan tertentu. Apabila diperhatikan dalam hal-hal lain tindakan Baginda dan para sahabat berbeza bahkan boleh disifatkan agak ekstrem kerana melangkaui sukatan sederhana. Tetapi tindakan berkenaan adalah rasional dan tetap terbaik mengikut justifikasi keadaan tertentu.

Ini umpama perbuatan para sahabat seperti Abu Bakar *radiallahu 'anhu* yang sanggup membelanjakan seluruh hartanya demi perjuangan agama Islam. Dia tidak menyisakannya kerana perbuatan demikian baginya adalah pertimbangan yang adil dan sangat sesuai untuk situasi ketika itu. Begitu juga dalam konsep amalan atau ibadat yang dilakukan oleh baginda Rasulullah *sallallahu 'alaihi*

wasallam. Sekalipun baginda pernah menegur perbuatan beberapa sahabat yang berjanji untuk berpuasa, bersolat malam dan tidak akan berkahwin selamanya demi istiqamah dalam ibadah, namun teguran ini bukanlah saranan untuk maksud berSEDERHANA dalam ibadah. Teguran baginda di sini bermaksud untuk menyeimbangkan kehidupan dengan cara terbaik. Kehidupan di dunia ini sifatnya adalah bermasyarakat justeru ia perlu seimbang kerana menunaikan hubungan baik dan berbakti kepada ummah adalah juga ibadah.

Dalam sisi lain pula didapati Baginda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* sendiri tidak bertindak sederhana. Ini jelas seperti ketika sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan, Baginda menggiatkan amal ibadah dan mengajak ahli keluarga turut sama mengerjakan *qiam al-layl*. Baginda juga diriwayatkan mengikat perut demi mempertingkatkan ibadah untuk merebut ganjaran tinggi yang dijanjikan di mana ia hanya ada di bulan Ramadhan. Setentunya amalan ketika itu ganjarannya melebihi imbalan peratus ibadah di bulan lain, lantas baginda menyeru umatnya untuk merebut peluang berkenaan. Dalam hal ini, ia tidak bertentangan dengan larangan baginda untuk memberi ruang kepada kehidupan duniawi bahkan suatu amalan itu merujuk kepada keadaan yang sesuai dan berbaloi melakukannya.

Berpandukan tafsiran maksud “Wasatan” atau “al-Wasat” oleh para mufassirin dan daripada hadith serta tindak tanduk amalan *Baginda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam* berserta para sahabat pengertian konsep “Wasatiyyah” itu adalah teradil, terbaik dan terpilih. Tiga elemen ini menjadi tunggak dasar dan hendaklah dipenuhi untuk menetapkan ia

adalah konsep *Wasatiyyah*. Jika ia hanya semata-mata sederhana dalam erti kata terbahagi sama rata antara dua penjuru ia belum pasti mencapai maksud *Wasatiyyah*, ia hendaklah dinilai untuk keadaan tersebut adakah benar-benar teradil dan terbaik.

Perkara ini dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan dalam kertas ucaptama beliau dalam Majlis Ilmu 2015 iaitu sebuah majlis ilmu peringkat negara di Negara Brunei Darussalam dengan tema yang dipilih untuk dibincangkan adalah mengenai “Wasatiyyah Asas Kesejahteraan Sejagat”. Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan Brunei dengan lantang menyebutkan bahawa “wasata” dalam ayat 143, surah al-Baqarah itu bukanlah bererti sederhana. “Wasata” itu menurut beliau adalah seperti tafsiran para ahli tafsir iaitu terbaik, tertinggi, terunggul, teradil dan terutama. Justeru tidak wajar menyandarkan sederhana itu kepada agama agung iaitu Islam. Beliau menyatakan dalam kertas ucaptamanya:

“...amat mengecewakan sekali, tiba-tiba kedengaran, ada orang mentafsir dengan tafsiran lain: lain dari tafsiran pakar bahasa dan pakar Ilmu Tafsir. Mereka mentafsir ﷺ و خيرٌ الْمُرْسَلِينَ itu dengan tafsiran “sederhana”. Ertinya, umat Islam ini adalah umat sederhana dan ugama Islam juga ugama sederhana. Kemudian, paling mengecewakan lagi, apabila sederhana itu dihurai pula sebagai tidak melampau, sebagai banyak tolak ansurnya, banyak mengalahnya, banyak bersedia untuk melayani semua kemahuan atau kehendak,

walaupun, apa yang dimahui itu menyalahi akidah atau menjelaskan muru'ah, demi atas nama Islam ugama sederhana dan umat Islam umat sederhana. Kita melihat, tafsiran ini sebagai tidak ada kena mengenanya dengan Islam. Islam wasatiyyah bukan Islam sederhana. Islam wasatiyyah adalah Islam tertinggi, Islam terhebat.”¹

Tinjauan Ringkas Kepentingan dan Pencapaian Pendidikan Wanita

Berpandukan perbincangan di atas justeru dalam artikel ini konsep *Wasatiyyah* akan diteliti melalui tiga elemen yang telah disebutkan iaitu teradil, terbaik dan terpilih. Tidak semata mengambil konsep kesederhanaan atau pertengahan. Lantaran itu, kajian akan memfokuskan bagaimana konsep *Wasatiyyah* telah berperanan dalam membangun pendidikan wanita Brunei. Sesungguhnya pencapaian pendidikan wanita telah menjadi faktor yang menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara. Pendidikan golongan wanita di Negara Brunei Darussalam melalui sejarahnya yang menarik dengan evolusi tersendiri dan sudut pandang yang berbagai. Namun semua bersetuju pemerkasaan pendidikan mereka sangat mustahak memandangkan mereka adalah bakal ibu dan ibu adalah madrasah pertama kepada generasi akan datang.

¹ Pehin Abdul Aziz Juned. (2015). *Wasatiyyah Asas Kesejahteraan Sejagat* (Keynote Paper). Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2015. Urusetia Seminar Majlis Ilmu 2015. hlm. 5.

Pendidikan bagi mereka tidak semestinya untuk mendapatkan jawatan atau pekerjaan tetapi adalah bagi menyiapkan keupayaan dan potensi diri dalam mendidik dan mengurus keluarga serta anak bangsa. Banci penduduk yang dijalankan merekodkan populasi kaum wanita muslimah di Negara Brunei Darussalam adalah hampir sama dengan kaum lelaki (Rajah 1). Lantas menunjukkan kepentingan sumbangan golongan ini terhadap negara. Peranan mereka adalah sama penting dan setara dengan kaum lelaki dalam kemajuan negara arus perdana. Jika mereka kurang cerdas justeru sumbangan mereka tidak boleh dimanfaatkan dan kadar peningkatan ekonomi dan kemantapan sosial menjadi lembap.

Rajah 1

| Tahun | Ramai Penduduk mengikut Banci Setiap 10 Tahun | Keramaian Muslimah | Peratus Muslimah |
|-------------|---|--------------------|------------------|
| 1981 | 122,912 | 59,912 | 49% |
| 1991 | 174,973 | 87,066 | 49.7% |
| 2001 | 249,822 | 124,706 | 49.9% |
| 2011 | 309,962 | 150,545 | 48.6% |

Sumber: Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.¹

Rajah banci penduduk ini menjelaskan bahawa dalam tempoh 30 tahun kebelakangan populasi wanita muslimah adalah konsisten dan seimbang dengan kaum lelaki. Oleh yang demikian, Negara Brunei Darussalam memberikan

¹ Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. *Brunei Statistical Yearbook 2015*. hlm. 186.

perhatian penuh kepada pendidikan kaum wanita bahkan diperkasa dari semasa ke semasa. Ini terbukti dengan perkembangan memberangsangkan pendidikan wanita tanah air yang dicatat saban tahun. Sebagai contoh pada tahun 1971 jumlah murid di Sekolah-Sekolah Melayu meningkat namun kadar buta huruf wanita Brunei masih tinggi iaitu sekitar 41% berbanding lelaki hanya 21%. Seterusnya, menurut laporan tahunan pada tahun 1954 murid perempuan yang bersekolah hanya seramai 713 orang berbanding 2462 murid lelaki di 36 buah sekolah pada masa itu.¹ Namun pada hari ini kadar literasi kaum wanita sudah mencecah 97.4%.² Peratus yang tinggi ini meskipun tidak mendetilkan status agama tetapi adalah dimaklumi peratus kaum muslimah adalah lebih ramai. Justeru, sekali gus perangkaan ini mendedahkan bahawa pendidikan mereka semakin tinggi.

Sementara itu pendidikan wanita Brunei dalam bidang agama juga menampakkan peningkatan yang memberangsangkan. Keramaian pelajar perempuan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan RIPAD sejak tahun 1972 hingga 1979 mencatatkan kadar melebihi pelajar di Sekolah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (Rajah 2).

¹ Haji Asbol bin Haji Mail, *Persekolahan Melayu di Brunei Darussalam 1950-1984: Perubahan dan Cabaran*, Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Sejarah Brunei III sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-22 tahun 2006. hlm 1.

² Kementerian Pendidikan. *Statistics and Indicators Handbook 2012-2016*. hlm. 1.

Rajah 2

| Tahun | Pelajar Lelaki | Pelajar Perempuan | Peratus |
|-------|----------------|-------------------|---------|
| 1972 | 139 | 257 | 64.9% |
| 1973 | 127 | 243 | 65.7% |
| 1974 | 127 | 217 | 63% |
| 1975 | 131 | 208 | 61.4% |
| 1976 | 130 | 198 | 60.4% |
| 1977 | 156 | 197 | 55.8% |
| 1978 | 181 | 200 | 52.5% |
| 1979 | 221 | 235 | 51.5% |

Sumber dihimpunkan daripada Laporan Penyata Tahunan 1972 -1979 Jabatan Hal Ehwal Ugama.¹

Pengambilan sampel tahun 70-an ini adalah mengambil kira banci penduduk pada tahun 1971 menunjukkan jumlah populasi perempuan adalah rendah iaitu 63,484 (46.6%) dibandingkan 72,772 (53.4%) penduduk lelaki. Sekalipun demikian jumlah yang bersekolah agama adalah tinggi yang secara langsung membuktikan dasar negara yang mengedepankan agenda agama sebagai pilihan terbaik tanpa sebarang diskriminasi gender.

Perkembangan ringkas ini akan menjadi asas untuk menjelaki sejarah pemerkasaan pendidikan wanita muslimah di negara ini yang dilihat sangat pesat perkembangannya. Selain itu, ia adalah bukti keprihatinan pihak kerajaan di negara ini dalam melaksanakan konsep *Wasatiyyah* sejak

¹ Seperti yang dinyatakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam *Penyata Tahunan 1972 -1979* (tanpa halaman dicatatkan).

lama dulu; iaitu menggunakan sistem terbaik, terpilih dan teradil dalam memberikan pendidikan kepada rakyat.

Peningkatan Kadar Literasi Kaum Wanita

Meskipun persekolahan kaum wanita bermula agak lewat berbanding kaum lelaki, namun kerajaan sentiasa prihatin dan memahami keperluan celik huruf bagi mereka. Pihak kerajaan menyedari pandai membaca merupakan kunci kepada pengetahuan dan seterusnya kepada penguasaan pelbagai ilmu. Lantas pihak kerajaan sesungguhnya secara langsung telah mengamalkan konsep *Wasatiyyah* dengan mengaplikasikan tindakan terbaik dan teradil dalam memacu potensi wanita untuk pandai membaca. Justeru, usaha kerajaan ini berbaloi dengan pencapaian kadar celik huruf melebihi sasaran 50 peratus wanita dewasa pada tahun 2015, dan akses yang saksama untuk mendapatkan pendidikan asas dan pendidikan lanjutan kepada orang dewasa seperti mana yang disepakati dalam *Dakar Framework 2000*.¹

Perkara ini dinyatakan dalam Laporan Kebangsaan Pendidikan Untuk Semua 2015 (*Education For All-EFA*)², bahawa kadar literasi wanita dewasa (15 tahun dan ke atas) meningkat sebanyak 18.3 peratus dalam tempoh 30 tahun iaitu daripada 77.8 peratus pada tahun 1981 kepada 87.8 peratus pada tahun 1991. Peratus ini terus melonjak kepada

¹ “Achieving a 50 per cent improvement in levels of adult literacy by 2015, especially for women, and equitable access to basic and continuing education for all adults”. *The Dakar Framework for Action* (2000). hlm. 8.

² Kementerian Pendidikan. *Brunei Darussalam National Education for All 2015 Report*. hlm. 17, 21.

92.7 peratus pada tahun 2001 dan menjadi 96.1 peratus pada 2011 hingga 97.4 peratus pada tahun 2015.

Sementara itu dalam tempoh sepuluh tahun iaitu daripada tahun 2001 hingga 2011 kadar literasi kaum pemudi melebihi 99 peratus. Pada tahun 2001 kadar kebolehan membaca dan menulis bagi golongan pemudi adalah 98.9 peratus dan meningkat kepada 99.3 peratus pada tahun 2011.

Pencapaian ini adalah hasil pelbagai komitmen tinggi pihak kerajaan dalam program literasi yang berterusan. Bukan hanya menyasarkan pada tahap usia awal persekolahan kanak-kanak bahkan pada usia kaum wanita yang sudah dewasa dan lanjut. Usaha ini pula disambut baik semua pihak dan ia tentunya bukan dalam erti “sederhana” bahkan memusatkan cara dan amalan terbaik demi mendapatkan hasil yang juga terbaik. Lantaran itu, kadar literasi bagi belia Brunei pada hari ini adalah antara yang paling atas kedudukannya di rantau ini dengan kadar melebihi 99 peratus. Belia dalam perkiraan ini merujuk kepada belia berusia 15 hingga 24 tahun.

Pendidikan Rendah Kanak-Kanak Perempuan

Sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam sentiasa mengalami perubahan agar berkembang maju menjadi lebih baik. Usaha menambah baik sistem pendidikan ini merupakan suatu amanah tumpuk pimpinan tertinggi negara. Pelbagai ikhtiar diutarkan agar pendidikan negara seiring keperluan global demi menuju negara maju.

Lantas, sejak persekolahan bagi kanak-kanak perempuan bermula pada tahun 1930 dengan 24 orang murid.¹ Serentak itu, sistem persekolahan formal mula diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam tiada bayaran dikenakan kepada murid sekolah rendah. Dasar kerajaan telah menetapkan bahawa pendidikan di negara ini adalah percuma kecuali yuran tahunan yang harganya sangat rendah. Buku-buku teks juga disediakan untuk kegunaan pelajar sepanjang tahun. Bahkan sekolah-sekolah rendah kerajaan disediakan dengan makanan percuma. Sebanyak lebih kurang enam ratus ribu ringgit dibelanjakan untuk tujuan berkenaan bagi lebih empat ribu murid di 40 buah sekolah. Usaha bernilai dan berharga dalam memberikan perkhidmatan terbaik dalam pendidikan ini dilaksanakan bersama dengan Jabatan Kesihatan.² Tidak dinafikan kemudahan yang diberikan ini telah mampu menarik perhatian dan memberikan galakan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah khususnya anak-anak perempuan.

Pada tahun 1954 keramaian murid perempuan di sekolah Melayu meningkat iaitu seramai 200 orang.³ Walau bagaimanapun, pada ketika itu keramaian murid lelaki masih tiga kali ganda daripada keramaian murid perempuan. Namun pada awal tahun 1957 keramaian murid perempuan meningkat sehingga lebih 500 murid di sekolah rendah Melayu Perempuan. Peningkatan keramaian murid perempuan ini telah menyebabkan sekolah Melayu Perempuan menjadi sangat padat. Lantas pada penghujung

¹ Padmore, H.J., *Brunei Education Triennial Report 1955-1957*. hlm. 8

² *Brunei Annual Report 1954*. hlm. 71.

³ *Ibid.* hlm.63.

tahun 1958 asrama lama kajang bagi perempuan ditukar dan diubahsuai menjadi sekolah rendah sementara bagi menampung kemasukan pelajar perempuan bagi sesi persekolahan tahun 1959. Sekolah-Sekolah Rendah Melayu juga bertambah dan semakin berkembang. Sekolah Rendah Melayu turut dibina di Kampung Ayer dan di daerah Belait.¹ Perkembangan ini sangat menyerlah apabila saban tahun statistik murid perempuan meningkat. Dalam Laporan Tahunan 1960 dicatatkan seramai 3,174 murid perempuan berada di 49 buah sekolah rendah Melayu seluruh negara. Sekalipun murid lelaki masih mendominasi angka keramaian murid di sekolah-sekolah rendah pada ketika itu namun perbezaannya tidaklah begitu jauh, di mana murid lelaki pada tahun yang sama ialah seramai 4,875.² Tidak seperti dua tahun kebelakangan iaitu pada tahun 1958 murid lelaki adalah 49 peratus lebih tinggi berbanding murid perempuan; iaitu 3,850 lelaki dan 1,947 perempuan.³

Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi pada tahun berkenaan ialah kebanyakkan murid berhenti sekolah setelah Darjah VI. Lantaran itu, selain penyediaan makanan secara percuma, pihak kerajaan bersetuju untuk memberikan murid-murid terpilih dalam darjah enam elaun sara hidup sebanyak tiga ratus enam puluh ringgit setahun. Ini adalah sebagai insentif bagi murid-murid yang bersetuju untuk bertahan meneruskan pelajaran mereka sehingga ke darjah enam pada tahun 1956.

¹ Brunei Triennial Report 1955-1957. hlm. 34.

² Brunei Annual Report 1960. hlm. 68.

³ Brunei Annual Report 1958. hlm. 65.

Seterusnya, apabila kesedaran ibu bapa mengenai betapa pentingnya memberikan pendidikan kepada anak-anak perempuan, pendaftaran kemasukan ke sekolah-sekolah semakin tinggi. Sesungguhnya, kesedaran ini ditunjangi oleh dasar-dasar kerajaan yang sangat menyokong dalam memberiakan peri pentingnya pendidikan untuk semua. Justeru, agenda memajukan bidang pendidikan menjadi antara agenda utama dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) bermula dari RKN 1954 -1959. Setelah itu, Perintah Pendidikan Wajib 2007 dikuatkuasakan yang mewajibkan kanak-kanak berumur enam tahun ke atas dan belum mencapai umur 15 tahun adalah menjadi kewajipan ibu bapa atau penjaga menghantarnya ke sekolah.

Melalui pelbagai inisiatif pihak kerajaan yang berterusan seperti di atas menunjukkan kesungguhan negara untuk menunaikan amanah serta tanggungjawab bernegara. Kerajaan berlaku adil dan saksama dalam memberikan peluang untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira gender. Di sini menjelaskan konsep *Wasatiyyah* itu telah lama diamalkan di negara ini sebagai wadah dalam memberikan apa yang terbaik untuk rakyat.

Pendidikan Peringkat Menengah Perempuan

Pendidikan menengah bagi pelajar perempuan sudah bermula pada tahun 1954 dengan 15 orang pelajar di Sekolah Inggeris Kerajaan yang terletak di Bandar Brunei. Pada tahun 1957 buat julung kalinya sebuah sekolah menengah khusus bagi perempuan telah diwujudkan. Sekolah ini diberi nama Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) dan pada tahun 1959 sekolah ini mempunyai 200 pelajar. Ini

merupakan satu kemajuan yang sangat memberangsangkan dalam memacu generasi berpendidikan.

Meskipun, Laporan Pendidikan pada tahun-tahun 1955-1957 menyatakan statistik populasi pelajar perempuan di sekolah dalam semua peringkat umur adalah masih jauh berbanding pelajar lelaki. Namun, bilangan pelajar perempuan bertambah dengan pantas pada setiap tahun. Pertambahan ini sangat nyata sehingga statistik 40 tahun kemudian telah mengubah keadaan sebelumnya iaitu pada awal tahun 90an populasi pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki. Pada tahun 1992 bilangan pelajar perempuan di sekolah menengah kerajaan iaitu bagi peringkat menengah bawah dan atas telah mendominasi pelajar lelaki. Bagi sekolah-sekolah kerajaan peringkat menengah pelajar perempuan dilaporkan seramai 11,134 berbanding pelajar lelaki seramai 10,060.¹

Kemajuan yang sangat memberangsangkan ini adalah atas dasar dan polisi kerajaan dalam pendidikan negara yang menjadikan peluang mendapat pendidikan adalah setara dan saksama. Kesaksamaan ini dengan terang disebut dalam Laporan Pendidikan 1955-1957 bahawa peluang untuk mengikuti pembelajaran adalah sama rata bagi lelaki dan perempuan. Seterusnya dalam RKN pertama (1953-1958) disebutkan: “*mendidek saorang anak lelaki berarti tuan chuma mendidek saorang sahaja – tetapi mendidek saorang anak perempuan berarti yang tuan telah mendidekkan satu keluarga*”.

¹ Kementerian Pendidikan. *Perangkaan Pendidikan 1983-1992*.

Inilah ciri atau elemen yang mendukung konsep *Wasatiyyah* yang telah diaplikasikan oleh negara. Penubuhan sebuah sekolah menengah khusus untuk pelajar perempuan (STPRI) pada tahun 1957 membuktikan visi jauh pemerintah negara khususnya dalam dunia pendidikan bagi wanita. Laporan Tahunan menyatakan penduduk Brunei keseluruhan pada tahun berkenaan hanyalah 72,646¹ tetapi kepentingan pendidikan untuk golongan wanita telah disiapkan. Dua buah sekolah menengah khusus bagi kaum perempuan telah didirikan pada tahun 60-an; sebuah sekolah menengah Inggeris (STPRI) dan sebuah lagi sekolah agama Arab. Tegasnya, kekurangan pelajar perempuan pada tahun 50an bukanlah disebabkankekangan atau sekatan peluang bagi golongan wanita untuk menjadi terdidik oleh pihak berwajib, ia adalah disebabkan oleh persepsi ibu bapa pada ketika itu. Persepsi lumrah para ibu bapa pada zaman tersebut ialah anak-anak perempuan tidak perlu bersekolah tinggi kerana pada akhirnya mereka akan hanya menjadi pakar di dapur juga. Tambahan lagi anak-anak perempuan pada zaman tersebut kebanyakannya akan dikahwinakan dalam usia muda iaitu pada usia belasan tahun. Setelah berkahwin biasanya mereka tidak perlu sijil persekolahan kerana mereka tidak akan keluar mencari pekerjaan. Tugas menanggung perbelanjaan keluarga akan diletakkan di pundak kaum suami. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan sangat teliti dan memilih jalan terpilih lagi bijak dalam menerajui jalan dan arah pendidikan para wanita sehingga hasilnya yang positif dapat dilihat dalam dekad-dekad mendatang. Ini sangat bertepatan dengan konsep *Wasatiyyah* yang menurut definisi yang telah diutarakan ialah

¹ W.J. Chater, *Brunei Annual Report 1957*, hlm. 3 – 6.

mengambil yang terbaik mengikut keadaan tertentu. Justeru, bagi pendidikan menengah, untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti kerajaan tidak mengehadkan aksesnya hanya bagi satu gender. Malah menyediakan sekolah khusus di samping sekolah-sekolah umum lain bagi kaum perempuan dengan kemasukan dan biaya percuma.

Pendidikan Pengajian Tinggi Perempuan

Berhubung pendidikan pengajian tinggi, pemerhatian difokuskan khusus bagi dua institusi pengajian tinggi Islam sahaja; iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Ini adalah kerana kedua-dua buah institusi ini hanya memiliki pelajar beragama Islam. Adapun dalam peringkat menengah dan rendah pemerhatian adalah secara umum, namun dimaklumi majoriti murid atau pelajar ~~perempuan~~ dalam sekolah-sekolah kerajaan yang berkenaan adalah beragama Islam. Lantaran itu statistik hanya diambil bagi sekolah-sekolah kerajaan yang mana hampir keseluruhan pelajarnya adalah Melayu dan beragama Islam.

Pada tahun 2007 sebuah universiti Islam telah ditubuhkan dan merupakan universiti kedua kerajaan dalam pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadien Waddaulah, Sultan Brunei ke-29. Di samping melambangkan pendidikan anak-anak Brunei semakin maju dan pesat berkembang ia juga menjadi mercu tanda bahawa pendidikan kaum wanita tidak ketinggalan. Tidak ketinggalan dalam maksud tiada pengehadan bagi kaum wanita mengisi tempat di menara ilmu. Bahkan dalam pengajian tinggi kaum wanita dilihat mendominasi kaum lelaki sama ada dari segi kemasukan mahu pun graduan. Ini

dijelaskan dalam statistik kemasukan dan statistik graduan dalam *Brunei Statistical Yearbook 2013 & 2015* bagi kedua-dua institusi pengajian tinggi Islam di negara ini (2009-2015). Sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan ini jumlah graduan perempuan dari UNISSA; iaitu sejak *Hafl al-Takharruj* pertama (2011-2015) ialah 367 orang manakala graduan lelaki ialah seramai 253. Sementara KUPU SB juga mengalami fenomena yang sama iaitu seramai 716 graduan perempuan dan 384 graduan lelaki (2011-2015). Kedua-kedua institusi ini memulakan pengajian dan pengambilan pelajar pada Ogos, 2007.

Penyataan ini telah membuktikan bahawa Dasar Pendidikan Negara adalah adil, saksama, terbaik bagi semua pihak. Dalam erti kata lain kemajuan kaum wanita yang dilihat pada dekad ini adalah hasil penekanan konsep Wasatiyyah. Konsep Rabbani ini menginginkan masyarakat Islam tidak terkecuali perempuan wajar berpendidikan. Begitulah tekunnya para sahabat wanita (*sahabiyat*) zaman Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* menuntut ilmu. Golongan intelek muslimah ini adalah rujukan generasi kerana ilmu mereka yang langsung diambil daripada baginda *sallallahu 'alaihi wasallam*. Kecerdikan dan ketinggian akal fikir mereka terakam dalam banyak khazanah rujukan umat Islam khasnya dalam kitab-kitab sunnah yang menjadi sumber prima seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim dan kitab-kitab sunan yang lain.

Kelas Dewasa Perempuan

Pengajian kelas dewasa mula diselenggarakan oleh pihak kerajaan pada tahun 1955 dengan dua pusat disediakan di Bandar Brunei (Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien) dan

Seria (Sekolah Inggeris Kerajaan). Pada tahun 1958 jumlah pelajar menghadiri kelas-kelas dewasa dicatatkan melebihi 1,161 pelajar.¹ Adapun tujuan asal mewujudkan kelas-kelas dewasa ini seperti mana yang tertulis dalam Laporan Tahunan Pendidikan ialah untuk "...memberi peluang kepada orang-orang dewasa laki-laki dan perempuan yang tidak tahu membaca dan menulis mencapai tahap kebolehan dan kemahiran yang dikehendaki".² Kesungguhan pihak kerajaan terserlah apabila pada tahun 1971 sebanyak 22 pusat telah beroperasi dengan kelas-kelas buta huruf telah diadakan di kesemua pusat-pusat tersebut termasuklah pusat di luar bandar.³ Di samping itu, matlamat pelajaran dewasa ini adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tanpa mengira usia. Ini sangat tepat dengan konsep *Wasatiyyah* yang menyarankan untuk menjadi ummah terbaik (*khayr ummah*) dan belajar tanpa noktah sehingga ke liang lahad. Bahkan baginda Rasulullah *sallallahu 'ala'ihi wasallam* sendiri dalam mempelajari al-Qur'an al-Karim terus memperbaiki dan memperhalusi bacaan baginda sehingga masih mampu menghkhatakan bacaan dua kali bersama malaikat Jibril '*alaihissalam* pada tahun kewafatannya.

Menerusi rekod yang disimpan dalam Laporan Pendidikan mencatatkan bahawa pada tahun 1966 bilangan pelajar wanita adalah seramai 2935 orang, dan mereka mengikut

¹ Padmore, H.J., *Brunei Education Triennial Report 1955-1957*, hlm. 25.

² Kementerian pendidikan. *Laporan Tahunan Pendidikan 1981-1984*, hlm. 78.

³ Jabatan Pelajaran. *Laporan Tahunan 1971*, hlm. 17.

pelbagai kursus dalam kelas-kelas berpengantar bahasa Melayu dan Inggeris.¹

Pihak kerajaan terus mengembang maju dan memantapkan pengajian kelas-kelas dewasa ini sesuai kehendak semasa, lantas pada tahun 1993 kelas-kelas pelajaran dewasa yang sebelumnya di bawah Jabatan Pelajaran dipindahkan ke Jabatan Pendidikan Teknikal. Selaras dengan perpindahan tersebut pastinya tumpuan tidak lagi pada pembanterasan buta huruf malah skop pengajian dan pembelajaran diluaskan. Di samping itu, institusi pengajian tinggi turut mengambil langkah proaktif dengan membukakan pusat-pusat pembelajaran sepanjang hayat yang menawarkan pelbagai program berkala; jangka pendek dan panjang. Melalui tinjauan dalam pendidikan berterusan ini di UNISSA umpsamanya, permintaan untuk menghadiri kelas-kelas pengajian al-Qur'an dan Bahasa Arab adalah datang daripada kaum wanita. Oleh itu, UNISSA telah menyediakan kelas khusus bagi mereka diadakan pada hujung minggu. Seterusnya bermula pada tahun ini sebuah pusat kecemerlangan akademik telah ditubuhkan yang dinamakan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat khusus untuk mengendalikan kursus-kursus seumpamanya.

Selain Kementerian Pendidikan, kelas-kelas lanjutan atau kursus pembelajaran sepanjang hayat ini dikelolakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Secara rasmi ia telah mula diadakan pada tahun 1963. Kelas-kelas dewasa agama ini

¹ Education Department. *Brunei Education Triennial Report 1964-1966*. hlm. 61

diadakan adalah untuk menanamkan kesedaran beragama kepada setiap orang dewasa yang tidak berpeluang belajar ugama pada zaman kanak-kanak mereka ketika itu.¹ Sehingga kini banyak kelas-kelas agama khususnya dalam usaha meningkatkan kadar celik al-Qur'an orang dewasa dibukakan. Di samping itu, kelas-kelas Fardhu 'Ain bagi para muslimah di masjid-masjid di seluruh negara juga aktif dijalankan. Sebahagian masjid pula mempunyai jawatankuasa muslimah sendiri yang bergerak aktif mengadakan pelbagai kelas demi meningkatkan kefahaman dalam amalan beragama. Semua ini mendapat dukungan Jabatan Hal Ehwal Masjid yang menyediakan satu bahagian khas dinamakan Bahagian Hal Ehwal Muslimah untuk memantau dan merancang kegiatan muslimah masjid di seluruh negara. Oleh yang demikian, golongan muslimah di negara ini sentiasa mendapat peluang untuk belajar dan meningkatkan ilmu pengetahuan agama mereka. Sebahagian kelas yang dianjurkan adalah secara percuma sementara yang lainnya dengan bayaran pada kadar minimum sahaja. Peluang-peluang bernilai ini dan galakan daripada pihak kerajaan ini telah memacu pendidikan wanita muslimah jauh ke depan selaras dengan matlamat tiada perbezaan dalam pendidikan antara golongan lelaki dan wanita.² Ini bermakna tiada sekatan atau peruntukan pencatuan daripada pihak berwajib kepada peluang pendidikan seawal ia diperkenalkan secara rasmi sesuai dengan pentafsiran

¹ Kementerian Hal Ehwal Ugama. *50 Tahun dalam Ristaan Perkhidmatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam (1959-2009)*. hlm. 23.

² UNESCO (2000). *The Dakar Framework for Action* (2000). hlm. 8.

kONSEP *Wasatiyyah* sebagai konsep yang memiliki ciri-ciri saksama dan terbaik atau terunggul.

Persekolahan Ugama Arab Perempuan

Secara rasminya sekolah agama Arab bagi perempuan mula digunakan dan menawarkan pendaftaran pada tahun 1967. Peletakan batu asasnya disempurnakan oleh al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana al-Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada Jun 1966. Sekolah agama ini dikenali dengan nama Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD) dan kini telah menjangkau 50 tahun usia penubuhan. Apa yang menariknya, perhatian untuk mewujudkan sekolah khusus bagi pelajar perempuan dalam bidang agama ini adalah dalam skala populasi negara masih kecil, ini adalah petanda keprihatinan tinggi kerajaan dalam memacu pendidikan agama dan Arab bagi kaum muslimah. Ini dijelaskan oleh pucuk pimpinan tertinggi dalam titah al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ketika peletakan batu asas SUAMPRIPAD bahawa tujuan membangunkan SUAMPRIPAD itu adalah "*akan menzahirkan beratus-ratus wanita bahkan beribu-beribu wanita Brunei yang terpelajar laila berilmu pengetahuan dalam ehwal ugama dan hal kemajuan yang munafaat di negara ini*".¹

¹ Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Maulana al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'dul Khairi Waddin 1959-1967. (1971). Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 454.

Kprihatinan terhadap pembelajaran agama ini sangat relevan dengan Perlembagaan Brunei 1959 yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara menurut Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Penekanan kerajaan terhadapnya juga adalah sangat serius justeru pada tahun 2012 dikeluarkan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012.

Pada hari ini Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan telah melebarkan sayapnya dan telah berpindah ke bangunannya yang baru di Kampung Katok, dan Sekolah berkenaan diberi nama dengan Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS) dengan keramaian pelajar melebihi seribu tiga ratus orang.

Pengurusan dan pentadbiran serta kurikulumnya sentiasa dipantau demi memberikan perkhidmatan serta pembelajaran terbaik. Justeru, penanda aras bagi kurikulum Arab sekolah ini adalah Ma'had Buhuth al-Islamiah, Mesir iaitu sebuah institusi pengajian menengah yang diiktiraf oleh Universiti al-Azhar. Usaha murni ini tiada lain pastinya akan menjana wanita muslimah yang berpengetahuan agama serta terpelajar sesuai hasrat titah penubuhannya. Kesaksamaan dan peluang meraih ilmu tanpa batasan mencerminkan negara ini telah dan sedang mengamalkan konsep *Wasatiyyah* dalam sistem pemerintahannya

Kesimpulan

Sesungguhnya makna *Wasatiyyah* itu bukan terhad kepada berada di pertengahan semata sekalipun pada ketika tertentu ia adalah relevan. Berada di pertengahan adalah *Wasatiyyah* sekiranya ia menepati bahawa keadaan berkenaan adalah

keadaan teradil, terpilih dan terbaik menurut pertimbangan Syara'. Lantaran itu, al-Razi mengaitkan umat yang terbaik itu ialah umat yang menyuruh kepada kebaikan dan menegah kemungkaran serta beriman kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Penerangan dan penjelasan ini telah menolak beberapa konsep kesederhanaan yang tidak selaras dengan kehendak Islam seperti toleransi kepada kehendak yang menyalahi perintah Syara'. Toleransi dengan alasan untuk mengharmonikan keadaan sekalipun bersalahan dengan pandangan agama bukanlah *Wasatiyyah*. Lantaran itu, *Wasatiyyah* bukan diukur dan dinilai secara fizikal. Oleh itu, tidak selamanya *Wasatiyyah* itu bererti berada di antara dua penjuru yang melampau. Malah ada kalanya dilihat agak melampau pada zahirnya namun tindakan berkenaan menepati ciri *Wasatiyyah* iaitu terbaik, teradil dan terpilih. Semua ini dapat difahami daripada tindak tanduk Baginda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* berserta para sahabat *radiallahu 'anhuma* dengan merujuk kepada berbagai situasi dan keadaan.

Atas dasar perjuangan berteraskan keadilan dan kebaikan justeru pendidikan wanita muslimah Brunei berkembang maju sejak tahun 50an lagi. Perekayasaan dan pelestarian ilmu dalam emansipasi wanita Brunei dimanifestasikan dengan pembanterasan buta huruf di semua peringkat. Kaum wanita yang tidak berkesempatan bersekolah formal dan telah mempunyai keluarga diberikan peluang menghadiri kelas-kelas dewasa. Sebahagiannya hadir ke kelas-kelas dewasa dengan membawa anak kerana tiada pengasuh untuk menjaga di rumah. Semangat ini didukung oleh pihak kerajaan dengan memberikan kelas-kelas dewasa ini secara percuma seawal tahun 1955. Begitulah dasar negara dalam

pendidikan yang memilih untuk memberikan yang terbaik kepada anak bangsa termasuk kaum wanita. Peluang persekolahan tidak ada peruntukan bilangan maksimum bagi lelaki dan perempuan. Setiap seorang berhak untuk mendapatkan peluang belajar dan menimba ilmu hingga ke peringkat tertinggi dengan pembiayaan kerajaan. Senario ini jika diteliti tidaklah diambil daripada ajaran Islam yang “sederhana” tetapi diambil daripada ajaran Islam yang teradil, terbaik dan terpilih.

Bibliografi

- Abdul Aziz Juned. (2015). *Wasatiyyah Asas Kesejahteraan Sejagat* (Keynote Paper). Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2015. Urusetia Seminar Majlis Ilmu 2015.
- Asbol bin Haji Mail, *Persekolahan Melayu di Brunei Darussalam 1950-1984: Perubahan dan Cabaran*, Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Sejarah Brunei III sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-22 tahun 2006.
- Bukhari, Muhammad bin ‘Isma‘il (1422H), *al-Sahih*, sunt. Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir, Dar Tuq al-Najah.
- Brunei Annual Report 1954; 1958; 1960.*
- Brunei Truennial Report 1955-1957.*
- Education Department. *Brunei Education Report Triennial Report 1964-1966.*
- Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam *Penyata Tahunan 1972 - 1979*
- Jabatan Pelajaran. *Laporan Tahunan 1971.*
- Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. *Brunei Statistical Yearbook 2015.*

- Kementerian Hal Ehwal Ugama. *50 Tahun dalam Ristaan Perkhidmatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam (1959-2009)*.
- Kementerian Pendidikan. *Brunei Darussalam National Education For All 2015 Report*.
_____. *Laporan Tahunan Pendidikan 1981-1984*.
- _____. *Perangkaan Pendidikan 1983-1992*.
_____. *Statistics and Indicators Handbook 2012- 2016*.
- Md Asham Ahmad. (2011). Moderation in Islam: A Conceptual Analysis of Wasatiyyah. *Journal TAFHIM (IKIM Journal of Islam and the Contemporary World)*. Jil. 4.
- Muhammad Rashid Ridha. (1990). *Tafsir al-Manar*. Al-Hai'ah al-Masriyyah al-'Ammah li al-Kitab.
- Padmore, H.J., *Brunei Education Triennial Report 1955-1957*.
- Pelita Brunei. Keluaran 20 Februari 2016. Melalui: http://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2016/Februari/pelitabrunei_200216.pdf. Diakses pada 1/9/2017.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad. (1964). *Al-Jami 'li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Masriyyah.
- Al-Razi, Muhammad bin 'Umar. (1420H). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Tabari, Abu Ja 'far Muhammad bin Jarir. (2000). *Jami 'al-Bayan fi Ta 'wil al-Qur'an*. Mussasah al-Risalah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa. (1998). *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb.
- UNESCO (2000). *The Dakar Framework for Action* (2000).
- W.J. Chater. *Brunei Annual Report 1957*.

